

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 23.01.2026 MASA: 12.15TGH

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN SEBERANG PERAI ASPIRE
CENTRE & SANTUNI KOMUNITI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**24 JANUARI 2026 (SABTU)
2.00 PETANG**

**PERKARANGAN MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

- 1. Yang Amat Berhormat Dato Seri Utama Anwar Bin Ibrahim**
Perdana Menteri
 - 2. Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**
Ketua Menteri Pulau Pinang
 - 3. Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid**
Timbalan Ketua Menteri 1
 - 4. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long**
Setiausaha Kerajaan Negeri
 5. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Pulau Pinang
 - 6. Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid**
Datuk Bandar Seberang Perai
 7. Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau
Pinang, Ahli Parlimen dan Senator
 8. Yang Berbahagia Dato'-Dato', Ketua-Ketua Jabatan Negeri &
Persekutuan
 9. Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan Puan-Puan yang saya
hormati sekalian
-

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. **Alhamdulillah**, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada petang ini dalam satu majlis yang berbahagia, iaitu **Majlis Perasmian Seberang Perai Aspire Centre (SPACE) dan Program MBSP Santuni Komuniti.**
2. Saya bagi pihak seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Anwar Bin Ibrahim**, Perdana Menteri Malaysia; **Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**, Ketua Menteri Pulau Pinang; **Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang; dif-dif kehormat**; rakan-rakan media; serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang sudi hadir bersama-sama bagi menyempurnakan majlis kita pada petang ini.
3. Majlis pada petang ini merupakan **detik yang amat signifikan** buat MBSP kerana kita melancarkan dua inisiatif penting demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan warga Seberang Perai. Inisiatif tersebut adalah **perasmian Seberang Perai Aspire**

Centre (SPACE) sebagai pusat operasi bersepadu berteknologi tinggi, dan penganjuran **Program MBSP Santuni Komuniti** yang mendekatkan MBSP dengan masyarakat. Kehadiran YAB Perdana Menteri dan YAB Ketua Menteri pada majlis ini juga menyerlahkan sokongan padu Kerajaan Persekutuan dan Negeri terhadap usaha-usaha MBSP tersebut.

4. Untuk makluman hadirin, **SPACE** ditubuhkan sebagai **pusat operasi bersepadu** MBSP yang menyokong pengurusan bandar pintar serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Ia berfungsi sebagai platform utama penyelarasan operasi bandar secara sistematik dan berasaskan teknologi terkini.
5. Usaha ini sebenarnya telah bermula sejak tahun **2014** melalui penubuhan Bilik Kawalan CCTV MBSP, bertujuan memperkukuh keselamatan awam, pemantauan bandar dan kecekapan perkhidmatan. Seiring pertumbuhan pesat pembangunan serta kepadatan penduduk di Seberang Perai, keperluan kepada sistem yang lebih pintar dan bersepadu menjadi semakin mendesak.
6. Inisiatif ini juga **selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang** untuk memperluaskan pemasangan CCTV, di mana MBSP telah mengenal pasti kawasan *hotspot* dan menaik taraf sistem sedia ada dengan teknologi pintar termasuk **Artificial Intelligence (AI)**.

7. Melalui SPACE, pengurusan data bandar dapat dilaksanakan secara bersepadu dalam satu pusat kawalan. Ia menyokong pemantauan dan penguatkuasaan seperti pelanggaran tempat letak kereta, pembuangan sampah haram serta kawalan pergerakan kenderaan berat, di samping menyumbang kepada pengukuhan keselamatan awam melalui pemantauan masa nyata. SPACE turut menyediakan sokongan maklumat kepada agensi keselamatan seperti **Polis Diraja Malaysia (PDRM)**, sekaligus meningkatkan keberkesanan pencegahan dan penguatkuasaan jenayah.
8. Dari segi **teknologi dan infrastruktur**, SPACE menggunakan **rangkaian gentian optik** sebagai tulang belakang sistem dan dilengkapi teknologi ***Automatic Number Plate Recognition (ANPR)*** atau ***License Plate Recognition (LPR)*** bagi memantau pergerakan kenderaan. Setakat ini, **11 kawasan hotspot** telah dikenal pasti dan dipantau di bawah sistem kawalan bandar MBSP.
9. Paparan visual pintar dan analitik data secara ***real-time*** membolehkan keputusan dibuat dengan lebih pantas dan tepat. Keupayaan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi, malah menambah keyakinan kepimpinan, agensi penguatkuasaan dan masyarakat terhadap tahap keselamatan dan pengurusan bandar Seberang Perai.
10. Dari sudut **tadbir urus** pula, SPACE dioperasikan dan diselia sepenuhnya oleh **Bahagian Keselamatan dan Komuniti MBSP**,

melibatkan anggota beruniform dan kakitangan awam, bagi memastikan operasi yang berterusan, berintegriti dan profesional.

11. Secara keseluruhannya, pelaksanaan SPACE telah menunjukkan impak yang memberangsangkan terhadap pengurusan bandar, meningkatkan kecekapan operasi serta keyakinan masyarakat, dan menjadi pemacu kepada aspirasi **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan.”**
12. **Hadirin yang dihormati sekalian,** selain perasmian SPACE, MBSP pada hari ini turut menganjurkan **Program MBSP Santuni Komuniti**, sebagai inisiatif berterusan untuk mendekati masyarakat melalui pendekatan turun padang yang lebih mesra, terbuka dan inklusif. Pelaksanaan program ini juga **selari dengan aspirasi MBSP** ke arah mewujudkan bandar yang **sejahtera, berdaya huni dan mampan**, di mana kesejahteraan komuniti sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap perancangan dan pembangunan.
13. **Antara objektif utama** program Santuni Komuniti ini adalah untuk menyantuni keperluan komuniti, meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap peranan MBSP, serta menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam menjaga kebersihan, keselamatan dan keharmonian kawasan setempat.
14. Bagi mencapai matlamat tersebut, **pelbagai aktiviti telah diatur** merangkumi elemen kebajikan, kesedaran, khidmat masyarakat dan

kekeluargaan. Antaranya sesi libat urus, kaunter perkhidmatan, aktiviti kemasyarakatan serta program kekeluargaan yang melibatkan semua lapisan masyarakat.

15. Pihak MBSP sentiasa percaya bahawa **komuniti setempat adalah rakan strategik** dalam pembangunan bandar. Kejayaan sesebuah kawasan memerlukan kerjasama padu antara pihak berkuasa tempatan dan masyarakat setempat, berlandaskan semangat kejiranan dan rasa tanggungjawab bersama.
16. Untuk makluman semua, **Program Santuni Komuniti pada hari ini mensasarkan penglibatan kira-kira 3,000 orang penduduk setempat** dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk sukaneka, pertandingan tarik tali, pertandingan mewarna, pertandingan sepakan penalti serta stesen permainan kanak-kanak. Paling istimewa, **Kenduri Rakyat** pada hari ini dimasak sendiri oleh **warga kerja MBSP** sebagai simbol kebersamaan dan keikhlasan kami dalam menyantuni komuniti.
17. **Harapan saya**, agar SPACE terus dimanfaatkan sepenuhnya sebagai pusat operasi pintar yang menyokong keselamatan dan kesejahteraan bandar, manakala Program Santuni Komuniti pula dijadikan agenda berterusan yang memperkukuh hubungan dua hala antara MBSP dan masyarakat. Semoga segala usaha ini menjadi pemangkin kepada

bandar yang lebih selamat, harmoni dan berdaya tahan untuk generasi masa hadapan.

18. **Inisiatif melalui SPACE dan Program Santuni Komuniti ini selari dengan aspirasi Visi Penang2030** ke arah negeri yang berorientasikan keluarga, hijau dan pintar, serta **mendukung gagasan Malaysia MADANI** yang menekankan kemampanan, kesejahteraan rakyat dan perpaduan. **MBSP kekal komited** untuk terus memainkan peranan merealisasikan dasar dan aspirasi kerajaan demi kebaikan rakyat.
19. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong, Menteri Pembangunan, Usahawan dan Koperasi**, atas kesudian Yang Berhormat menyumbangkan **sebuah motosikal sebagai hadiah cabutan bertuah** bagi memeriahkan lagi Program MBSP Santuni Komuniti pada hari ini. Ucapan terima kasih turut saya tujukan kepada **semua Ahli Majlis MBSP** yang telah bersama-sama menyumbang hadiah cabutan bertuah. Sumbangan ini amat kami hargai dan jelas mencerminkan semangat kebersamaan serta keprihatinan terhadap masyarakat setempat.
20. **Sebelum mengakhiri ucapan**, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri dan YAB Ketua Menteri yang sudi bersama-sama kita pada petang ini,

menjayakan majlis dan memberikan amanat yang bermakna buat Seberang Perai. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis pada hari ini. Komitmen dan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan semua amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.